



12 SEP, 2024

Kastam rampas 19,800 liter bir

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 1 of 2



SITI (tengah) menunjukkan bir berlabel “Iceberg” yang dirampas di Pelabuhan Sepanggar pada 4 Sept.

Kastam rampas 19,800 liter bir

Jeremy S Zabala

KOTA KINABALU: Satu lagi cubaan menyeludup arak bernilai RM436,021 dari negara jiran digagalkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah dalam operasi di Pelabuhan Sepanggar pada 4 Sept.

Ketua Penolong Pengarah Kastam Zon Sabah Siti Mang berkata sebelum rampasan itu, pegawai yang ditempatkan di pelabuhan mengesan produk haram yang disimpan di dalam kontena – diisytiharkan sebagai barang keperluan rumah seperti pakaian dan perabot – melalui pengimbas.

Setelah mengenal pasti kejanggalan tersebut, beliau berkata pemeriksaan lanjut dijalankan ke atas semua kontena di mana kira-kira 19,800 liter bir berlabel “Iceberg” ditemui.

“Kesemua minuman keras terbabit dianggarkan bernilai RM75,042, manakala nilai duti dan cukai melebihi RM360,979.

“Dipercayai penyeludup melakukan kegiatan ini bukan sahaja untuk mengelak daripada membayar cukai tetapi juga kerana prosedur permit import,” katanya

pada sidang media pada Selasa.

Siti berkata, kes itu kini disiasat mengikut Seksyen 135 (1)(a) dan Seksyen 133 (1)(a) Akta Kastam 1967 yang mempe-
runtukkan hukuman denda tidak kurang 10 kali ganda jumlah duti kastam atau RM100,000, yang mana lebih besar.

“Jika bersalah, mereka yang terlibat juga boleh dikenakan hukuman tidak lebih 20 kali ganda duti kastam atau RM500,000, yang mana lebih besar.

“Pesalah juga boleh dihukum penjara tidak kurang enam bulan dan tidak lebih lima tahun,” katanya.

Beliau juga berkata, kegiatan penye-
ludupan dalam pelbagai bentuk bukan sahaja merugikan negara dari segi kehi-
langan pendapatan, malah mengancam keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

Beliau menggesa orang ramai memainkan peranan dalam menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan melalui talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855.

Pada 10 Mei lalu, JKDM menjalankan operasi di mana enam kontena arak bernilai lebih RM2.74 juta, termasuk duti



12 SEP, 2024

Kastam rampas 19,800 liter bir

Harian Ekspres (KK), Malaysia



SUMMARIES

SITI (tengah) menunjukkan bir berlabel